



**MAKLUM BALAS ADUAN
MELALUI VIDEO YANG TULAR MENERUSI LAMAN MEDIA SOSIAL
MENGENAI JURURAWAT MEMBERI BANTUAN PERNAFASAN SAMBIL MELIHAT
TELEFON BIMBIT
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR**

Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKN Johor) ingin merujuk kepada video yang ditularkan dalam media sosial yang memperlihatkan seorang Jururawat Terlatih yang sedang memberi bantuan pernafasan kepada seorang pesakit sambil melihat telefon bimbit. Makluman dan siasatan awal pihak JKN Johor dan Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru telah mengesahkan bahawa pesakit ini dalam rawatan di HSA. Pihak JKN Johor memandang serius insiden ini dan siasatan mendalam kini sedang dijalankan.

Pihak JKN Johor serta HSA telah pun berjumpa dengan waris keluarga bagi mendapatkan gambaran yang lebih terperinci serta memberi penjelasan dan berbincang mengenai perkara ini. Ahli Jawatankuasa Penyiasatan yang terdiri dari Pakar-pakar dan Penyelia Jururawat dari HSA dan JKN Johor telah memulakan siasatan. Pihak HSA sememangnya mempunyai tatacara pengendalian pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan sambil menunggu untuk dihantar ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Pihak JKN dan Hospital memandang serius terhadap kakitangan yang tidak mematuhi ketetapan ini. Jika terdapat sebarang unsur kecuaiian hasil daripada penyiasatan, maka kakitangan yang terlibat akan dikenakan tindakan yang tegas. Arahan penambahbaikan serta-merta juga telah dikeluarkan kepada pihak HSA serta peringatan kepada lain-lain hospital bagi memastikan kepatuhan terhadap tatacara pengendalian pesakit adalah dipatuhi sepenuhnya.

Masyarakat juga diingatkan bahawa pengambilan gambar dan video di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia adalah tidak dibenarkan, terutama sekali gambar atau video pesakit di dalam wad atau klinik kerana ianya melanggar etika dan kerahsiaan (confidentiality) pesakit. Individu-individu yang mempunyai aduan atau cadangan membina terhadap perkhidmatan yang diberikan di fasiliti Kementerian Kesihatan dinasihatkan untuk menghubungi secara terus dengan pihak Hospital atau Klinik berkenaan agar penambahbaikan perkhidmatan dapat dilakukan dengan serta-merta. JKN Johor serta kakitangan di semua fasiliti kesihatan sememangnya komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cakna terhadap sebarang aduan atau cadangan yang dikemukakan oleh klien bagi menambahbaik perkhidmatan yang diberikan kepada segenap lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

"Kami Sedia Membantu"

DR.SELAHUDEEN ABD AZIZ

PENGARAH KESIHATAN NEGERI JOHOR

31 Mei 2018